

## Kanak-kanak berada di jalanan raih simpati ketika umat Islam sibuk buat persiapan Aidilfitri


**P**ADA mulanya penulis dan rakan sukarelawan Kelab Putera 1Malaysia bagi Misi kemanusiaan Pakistan merancang untuk berbuka puasa bersama di tempat penginapan. Bagaimanapun hujan yang lebat pada sebelah petang sehari sebelum sambutan Aidilfitri di Karachi, Pakistan dekat sini sehingga mengakibatkan air mula naik menyebabkan kami terpaksa berbuka di dalam kenderaan.

Satu pengalaman yang tidak mungkin dapat dilupakan selepas selesai berbuka puasa dalam suasana hujan, kami beramai-ramai melaungkan takbir Aidilfitri memuji kebesaran Allah di dalam kenderaan yang kami naiki ketika itu. Walaupun tiada lagu raya mahupun kuih istimewa, suasana itu cukup mengubat hati tatkala jauh daripada keluarga tercinta.

Sambutan Aidilfitri di Pakistan lewat sehari berbanding Malaysia, bagaimanapun di beberapa wilayah di negara itu seperti Peshawar dan Islamabad mereka menyambut Aidilfitri pada hari sama dengan Malaysia. Walaupun tidak semeriah Malaysia, meraikan Aidilfitri di sini cukup bermakna.

Sambutan Aidilfitri di sini membolehkan penulis mempelajari erti kehidupan sebenarnya dan mensyukuri nikmat kemewahan yang diperoleh di bumi Malaysia. Mana tidaknya, ketika kanak-kanak di negara kita sedang sibuk membuat persiapan hari raya bersama keluarga, namun, bagi kanak-kanak di Pakistan mereka berada di jalanan untuk meraih simpati orang ramai.

Malah, kehadiran Ramadan adalah rahmat buat anak yatim piatu di Malaysia, mereka diraikan dan di-



KANAK-KANAK berada di jalanan untuk meraih simpati dan bantuan orang ramai pada hari raya berdekatan khemah di Karachi, Pakistan.

beri sumbangan istimewa daripada orang ramai. Tetapi perkara itu tidak berlaku di sini, yang miskin terus dibiarkan merempat di tepi jalan dan tidur di pondok mahupun khemah yang dibina.

Pakaian baru atau juadah istimewa untuk lebaran tiada dalam kotak fikiran mereka, bagi mereka kehadiran Aidilfitri adalah masa terbaik mendapatkan duit raya daripada orang ramai. Malah, setiap kali kenderaan yang dinaiki penulis di berhenti di tepi jalan ataupun pam minyak, pasti akan dikerumuni peminta sedekah.

Lebih bermakna lagi sambutan Aidilfitri di Pakistan, penulis dapat menyelami penderitaan dihadapi sebahagian daripada jutaan mangsa banjir di negara ini. Kehadiran satu Syawal disambut dengan serba kekurangan oleh mereka di pusat pemindahan sementara.

Mereka tidak mampu untuk menyediakan pakaian baru untuk anak, mahupun menyediakan juadah istimewa, sebaliknya hanya mampu bergantung dengan sumbangan daripada orang ramai, bagi mereka sumbangan makanan yang disalurkan mahupun bantuan perubatan adalah hadiah Aidilfitri cukup bermakna.

Bagi menceriaikan mangsa banjir di sekitar wilayah Karachi, seekor lembu dan beberapa ekor kambing dikorbankan serta nasi beriani dimasak dan diagihkan kepada mangsa banjir. Ternyata ia mampu menguntumkan senyuman di kalangan mangsa banjir apabila juadah istimewa itu cukup bermakna buat mereka di hari lebaran.

Mereka bukan saja tidak mempunyai kemampuan untuk memasak makanan enak, malah suasana di tapak perkhemahan dengan bau

najis serta cuaca panas serta berdebu memungkinkan mereka untuk menyediakan semua itu.

Bagaimanapun di sebalik semua itu dan musibah banjir yang diturunkan Allah kepada mereka, ia amat menyedihkan hati penulis apabila mangsa banjir seolah-olah tidak mengerti dengan amaran Allah serta tidak mahu berubah ke arah kebaikan apabila majoriti yang tinggal di pusat pemindahan sementara tidak berpuasa.

Sepatutnya banjir besar yang melanda mereka itu boleh dijadikan pengajaran dan teladan untuk ke arah kebaikan. Selepas dilanda bencana alam yang mengakibatkan lebih satu juta penduduk Pakistan hilang tempat tinggal dan hasil tanaman musnah, mereka kini bakal berdepan dengan satu lagi musibah, iaitu penyakit bawaan air.

Ketua Koordinator Perubatan Kecemasan dan Pengurusan Bencana, Kelab Putera 1Malaysia, Dr Mohamed Alwi Abdul Rahman, berkata selepas banjir beransur pulih mangsa banjir, terutama warga emas dan kanak-kanak berdepan dengan penyakit bawaan air seperti cirit-birit, malaria dan penyakit kulit.

Beliau berkata, sehingga kini pihaknya merawat kira-kira 8,000 mangsa banjir dalam daerah Thatta di Karachi. Sehingga kini 1,361 kanak-kanak berusia dua tahun ke atas mendapat suntikan BCG, manakala OPV bagi 3,373 kanak-kanak lima tahun ke atas. Seramai 1,389 ibu mengandung turut mendapat rawatan dan 5,380 kanak-kanak berusia enam bulan hingga lima tahun diberikan vitamin A. Namun, masih ramai serta banyak perkara yang perlu dilakukan lagi bagi memastikan mangsa banjir ini mendapat rawatan sempurna.